SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 20 TAHUN 1983

Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

PENURUNAN KUASA MELULUSKAN PENDAHULUAN DIRI BAGI TUJUAN MENJALANKAN TUGAS RASMI DAN ELAUN PAKAIAN PANAS

1. Kuasa Meluluskan Pendahuluan Diri

Pada masa kini setengah Ketua Setiausaha adalah telah diberi kuasa untuk meluluskan pendahuluan diri kepada pegawai-pegawai mereka bagi tujuan menjalankan tugas rasmi di dalam dan luar negeri. Kuasa ini diberi bagi menjimatkan masa mendapatkan pendahuluan dari Perbendaharaan. Setelah berkuatkuasa sekian lama penurunan kuasa yang terhad ini, didapati adalah sesuai kuasa ini diperluaskan kepada semua Ketua Setiausaha dan Pegawai Pengawal. Dengan itu mulai dari tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini, semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Pegawai-pegawai Pengawal Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Odit Negara adalah diberi kuasa meluluskan permohonan pendahuluan kepada pegawai-pegawai mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di Lampiran "A" kepada Surat Pekeliling ini.

2. Kuasa Meluluskan Elaun Pakaian Panas

Kuasa meluluskan Elaun Pakaian Panas kepada semua kategori pegawai Kerajaan Persekutuan sekarang dipegang oleh Perbendaharaan. Walaupun permohonan Elaun Pakaian ini tidak banyak tetapi dirasakan kuasa untuk meluluskan elaun ini patut juga diberi kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Pegawai-pegawai Pengawal. Jadi Perbendaharaan telah memutuskan mulai dari tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini semua Ketua Setiausaha dan Pegawai-pegawai Pengawal Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Odit Negara adalah diberikuasa meluluskan Elaun Pakaian Panas mengikat syarat-syarat yang terkandung dalam perenggan 6.9 (a) Pekeliling Penbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980. Dengan ini perenggan 6.9 (b) Pekeliling yang sama adalah dibatalkan.

3. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari 1hb Dis 1983.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI THONG YAW HONG)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Malaysia

LAMPIRAN "A"

SYARAT-SYARAT KUASA MELULUSKAN PENDAHULUAN DIRI

Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

1.1 Kuasa kelulusan adalah terhad di atas Pendahuluan Diri kepada pegawai-pegawai yang telahpun menyelesaikan kesemua Pendahuluan Diri yang lama. Bagi maksud ini pemohon adalah dikehendaki memberi akuan dalam borang permohonan bahawa Pendahuluan yang diambil sebelumnya, jika ada telah dibayar balik dengan sepenuhnya.

1.2 Jika Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Pegawai-pegawai Pengawal berhajat kerana sibok, maka boleh mewakilkan kuasa itu secara bertulis kepada seorang pegawai kanan dan Perbendaharaan
diberitahu mengenai hal ini.

1.3 Akauntan Negara Malaysia hendaklah menolak baucer pembayaran bagi Pendahuluan Diri yang berkenaan sekiranya didapati Pendahuluan lama belum selesai.

1.4 Ketua-ketua Setiausaha dan Pegawai-pegawai Pengawal dikehendaki menghantar kepada Perbendaharaan kenyataan bulanan mengenai kedudukan Pendahuluan Diri yang diluluskan dan dikutip kembali. Bagi ini, untuk kelulusan yang diberi bagi bulan Mei hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan pada minggu pertama bulan Julai dan seterusnya dengan menggunakan Format yang contohnya dikembarkan di Lampiran "B". Jika tiada Pendahuluan Diri yang diluluskan bagi bulan tersebut Pendaharaan hendaklah diberitahu juga.

1.5 Ketua-ketua Setiausaha dan Pegawai-pegawai Pengawal adalah

bertanggungjawab sepenuhnya bagi mendapat kembali jumlah Pendahuluan Diri yang telah diluluskan itu dengan tegasnya dan menurut masa yang ditetapkan.

1.6 Mematuhi syarat-syarat dan arahan di Bahagian IV Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 dan lain-lain arahan yang berkuatkuasa, sepenuhnya.

2. Adalah peringatkan bahawa:

2.1 Kegagalan untuk melaksanakan dan mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan di perenggan 1 di atas itu akan mengakibatkan pegawai dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab akan dikenakan denda sercaj atau tindakan tatatertib.

2.2 Jumlah Pendahuluan Diri yang boleh diluluskan ialah:

2.2.1 100% bagi Pendahuluan Diri untuk maksud bertugas di luar negeri.

2.2.2 Tidak melebihi 90% bagi Pendahuluan Diri untuk maksud di dalam negeri.

Jumlah tersebut adalah perbelanjaan-perbelanjaan untuk hari-hari tugas itu sahaja dan tidak boleh diberikan untuk hari-hari tambahan.

LAMPIRAN "B"

PENYATA BULANAN PENDAHULUAN DIRI JABATAN
.....BAGI
BULAN.....19.....

Bil Nama Pegawai Jumlah yang Tarikh Jumlah Jika belum Salinan
diambil diberi diselesaikan Pendahu-
berikan luannya

sebab-sebabnya Diri

yang

telah

diluluskan